



15 Disember 2016  
15 December 2016  
P.U. (A) 326

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
(GOLONGAN PENGGUNA DATA) (PINDAAN) 2016

*PERSONAL DATA PROTECTION  
(CLASS OF DATA USERS) (AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (GOLONGAN PENGGUNA DATA)  
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri, atas syor Pesuruhjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 16 Disember 2016.

**Pindaan Jadual**

2. Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [*P.U. (A) 336/2013*] dipinda dalam Jadual—

(a) dalam butiran 6, dengan memasukkan selepas subbutiran (g) subbutiran yang berikut:

“(h) Malaysia Airlines Berhad.”;

(b) dalam butiran 11, dengan memasukkan selepas subbutiran (p) subbutiran yang berikut:

“(q) Pengurusan Air Selangor Sendirian Berhad.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas butiran 11, butiran yang berikut:

“ 12. Pajak gadai  
Pemegang lesen di bawah Akta Pemegang Pajak  
Gadai 1972 [*Akta 81*].